

19/11/1998

Petikan

"YA, sudah tentu." - Presiden Filipina, Joseph Estrada ketika menjawab soalan pemberita sama ada kerjasama di kalangan negara anggota Apec semakin merosot ketika ini. Wartawan berkenaan bertanya dalam bahasa Inggeris, 'Is there a lack of camaradie among Apec members?'. Bagaimanapun, Estrada sebenarnya kurang memahami soalan berkenaan.

* "Seorang pemimpin Apec ketika dalam perjalanan dari Cyberjaya ke sini terkejut tidak ada polis dan tentera mengawal jalan." - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai maklum balas pemimpin Apec mengenai perjalanan sidang puncak terbabit.

* "Dan pertanyaan itu datang dari seorang pemimpin yang tidak begitu rapat (dengan saya)." - Dr Mahathir, masih mengulas perkara yang sama.

* "Saya naik ke atas untuk bertukar pakaian dan dia ada di situ." - Estrada ketika mengulas pertemuannya dengan Datin Seri Wan Azizah Ismail.

* "Agensi Moody bukan sebuah negara berdaulat meskipun tabiatnya ialah membuat laporan aktiviti-aktiviti kerajaan negara lain." - Jurucakap Perdana Menteri Jepun, Sadaaki Numata ketika mengulas tindakan agensi berkenaan menurunkan penafaran negaranya.

(END)